

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bagaimanakah penyelesaian pematuhan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 berkaitan pembukaan dan penanaman durian Musang King di Raub Pahang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Soalan ini berkenaan dengan pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang ada kaitan dengan pembukaan dan penanaman Durian Musang King di Raub, Pahang.
2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, **isu pencerobohan hutan di Raub ini adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Pahang.**
3. Berdasarkan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, Akta 127, aktiviti pembukaan dan penanaman Durian Musang King di Raub, Pahang dan mana-mana kawasan lain seumpamanya, memerlukan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (**Laporan EIA**), bagi sebarang aktiviti seperti berikut ;

NO. SOALAN : 11

- i. Skim Kemajuan Tanah yang meliputi kawasan **seluas 20 hektar atau lebih**, untuk menukar kawasan Hutan kepada aktiviti Pertanian.
 - ii. **Pengubahan Hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih** di atas purata aras laut kepada mana-mana kegunaan tanah yang meliputi kawasan **seluas 20 hektar atau lebih**.
 - iii. Pembangunan **atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan berkecerunan 25° (darjah) hingga 35° (darjah)**. Jika kecerunan melebihi 35° (darjah) sebarang aktiviti pembangunan adalah tidak dibenarkan.
4. Sekiranya pemaju tidak mematuhi **Laporan EIA dan syarat kelulusan EIA termasuk *Environmental Management Plan, EMP*** (dengan izin), ianya dikira melanggar Akta 127. Jika didapati bersalah, **boleh di denda tidak melebihi RM500,000 atau tidak melebihi 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali**. Pesalah juga akan di denda **RM1000 setiap hari atas kesalahan yang diteruskan** selepas notis diberikan.
5. Pembangunan haram kawasan hutan atau tidak mematuhi Laporan EIA dan EMP akan **menyebabkan hakisan tanah, sungai menjadi cetek dan berkeladak**. Ini berpotensi **menyebabkan Loji Rawatan Air ditutup** yang menyebabkan rakyat terputus bekalan air dan **banjir** boleh berlaku semasa musim tengkujuh.
6. Selain daripada itu, **penggunaan baja dan racun serangga** perosak juga berisiko mengalir ke alur air berdekatan yang boleh menyebabkan **sumber air tercemar** yang **boleh menjejaskan bekalan air serta risiko kepada kesihatan manusia dan mengancam biodiversiti**.
7. Oleh itu, KASA menyeru sebarang pembangunan hutan dan dalam konteks ini untuk penanaman durian perlu **mengikut undang-undang sedia ada dan pendekatan *ecosystem based approach*** (dengan izin) supaya kelestarian alam dan kesejahteraan rakyat terjaga.

Sekian. Terima kasih.